

# **PERSEPSI BELIA TERHADAP KUALITI HIDUP, PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA, DAN PIMPINAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**Norudin Mansor<sup>1\*</sup>**

E-mail: [norudinm@tganu.uitm.edu.my](mailto:norudinm@tganu.uitm.edu.my)

**Wan Abdul Manan Wan Muda<sup>2</sup>**

E-mail: [wanabdma@tganu.uitm.edu.my](mailto:wanabdma@tganu.uitm.edu.my)

**Azemi Che Hamid<sup>1</sup>**

E-mail: [azemiche@tganu.uitm.edu.my](mailto:azemiche@tganu.uitm.edu.my)

**Che Hamdan Che Mohd. Razali<sup>3</sup>**

E-mail: [cheha375@tganu.uitm.edu.my](mailto:cheha375@tganu.uitm.edu.my)

<sup>1</sup>Faculty of Business Management  
Universiti Teknologi MARA Terengganu  
23000 Dungun Terengganu

<sup>2</sup>Faculty of Accountancy  
Universiti Teknologi MARA Terengganu  
23000 Dungun Terengganu

<sup>3</sup>Faculty of Administrative Science and Policy Studies  
Universiti Teknologi MARA Terengganu  
23000 Dungun Terengganu

*\*Corresponding Author*

## **Abstrak**

*Golongan muda merupakan kumpulan sasaran utama yang didapati mampu mempegaruhi kedudukan jentera pentadbiran dan pemerintahan negara. Kajian ini disasarkan untuk menilai penerimaan golongan muda terhadap kerajaan negeri Terengganu berdasarkan beberapa pembolehubah-pembolehubah terpilih merangkumi program pembangunan belia, kualiti hidup, dan beberapa isu semasa. Seramai 5360 responden telah ditemubual di lapan kawasan Parlimen negeri Terengganu berpandukan soalselidik yang ditadbir secara bersemuka. Pemilihan samplel dijalankan dengan menggunakan kaedah persampelan kuota yang diperincikan elemennya secara terpilih (purposive). Secara keseluruhannya dapatkan kajian menunjukkan penerimaan golongan muda berada pada tahap sederhana.*

**Kata kunci:** penerimaan golongan muda, isu-isu semasa, kualiti hidup, program pembangunan belia

## **1.0 PENGENALAN**

Kajian berkenaan dengan maklum balas daripada rakyat terhadap pemerintahan dan pentadbiran kerajaan telah menjadi satu tren pada masa kini. Ini kerana, kajian yang berbentuk akademik dapat membantu dalam menilai prestasi semasa setiap pentadbiran dari sudut respon terkini yang diperolehi daripada para belia. Analisa yang dibuat menerusi metodologi saintifik merupakan satu sumber yang perlu dititik beratkan oleh pihak pentadbir dan kerajaan yang memerintah.

Penyertaan golongan muda dalam program kerajaan negeri adalah juga kecil (Norudin et al., 2008). Kerapuhan dalam membina minat belia terhadap program-program semakin pudar disebabkan penerapan nilai-nilai barat yang banyak mempengaruhi gaya hidup belia semasa kini. Jika langkah yang bersungguh tidak diusahakan didalam melibatkan peranan agensi kerajaan dengan menentukan sasaran yang bersesuaian dengan kelompok geografi, demografi, dan strata sosial, maka manfaat bagi setiap program gagal mencapai objektif. Ini memberi kesan kepada kefahaman dan sokongan kepada kerajaan.

Kajian terperinci berkaitan dengan penerimaan terhadap pentadbiran sesebuah kerajaan khusus di kalangan generasi muda jarang dilakukan. Merdeka Center for Opinion Research umpamanya sempena dengan 100 hari pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak telah membuat satu tinjauan umum bagi mendapatkan maklum balas terhadap tumpuk pemerintahan Perdana Menteri. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan (*approval ratings*) terhadap pentadbiran yang baru berusia 100 hari dan ianya penting kerana situasi politik semasa ketika mana Dato' Seri Najib dilantik menjadi Perdana Menteri imej beliau dikatakan tercaltar dengan pelbagai tuduhan oleh pembangkang dan juga prestasi BN pada masa tersebut (Ibrahim, 2009). Namun begitu, hasil tinjauan iaitu pada bulan Jun 2009 telah menunjukkan peningkatan sehingga 65 peratus hasil daripada tindakan politik yang dilakukan beliau sepanjang menjawat jawatan tersebut (Ibrahim, 2009). Kajian berkenaan dengan penerimaan terhadap pentadbiran seseorang pemimpin dan kerajaan ini menjadi satu tren yang signifikan bagi setiap parti politik dan juga agensi kerajaan bagi meneruskan agenda masing-masing.

Terkini, kadar penerimaan terhadap kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak, meningkat kepada 72 peratus berbanding 69 peratus pada April lalu. Kaji selidik yang dilakukan Merdeka Centre, kadar penerimaan tertinggi yang dicatatkan adalah di kalangan kaum India (80 peratus) diikuti Melayu (77%) dan Cina (58%). Menurut laporan Pengarah Merdeka Centre, Ibrahim Sufian, kadar penerimaan yang tinggi itu didasari usaha dan pelan dirancang Perdana Menteri seperti Gagasan 1Malaysia, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Model Ekonomi Baru (MEB). Kajian sebegini amat diperlukan bagi melihat penerimaan rakyat terhadap apa yang dilakukan pemerintah dari segi tadbir urusnya.

Dari segi kajian literatur umum berkenaan dengan golongan muda di negara ini, kajian lebih banyak menjurus kepada tahap penyertaan dan kesedaran generasi muda dan juga penglibatan mereka dalam pertubuhan belia. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Syed Arabi Idid dan rakan-rakan (2008), daripada 978 responden, dua pertiga daripadanya tidak berminat dalam politik dan tujuh daripada sepuluh responden didapati telah mendaftar sebagai pemilih atau pengundi. Majoriti responden percaya bahawa undi mereka mampu memberi perubahan kepada negara. Jika diukur daripada kajian ini, kesedaran golongan belia tentang kepentingan penglibatan dalam politik terutama melalui pilihan raya memberikan penanda bahawa mereka mempunyai kesedaran dari segi menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia. Namun, kajian yang dilakukan Azma Asnawiah Abdul Hakim et al. (2008) mendapati hanya 35% golongan muda yang terdiri daripada belia di Ijok, Selangor menyedari tentang tanggungjawab mereka untuk keluar mengundi.

Selain itu, pembangunan politik semasa, dengan istilah politik baru, telah menyaksikan peningkatan mendadak kesedaran politik massa dan bertambahnya aktor baru dalam gerakan reformasi menentang parti pemerintah (Abdul Rahman, 1999; Shamsul, 2000). Politik baru ini menonjolkan orientasi yang mengutamakan isu atau kepentingan umum seperti tadbir urus yang baik, ketelusan dan penentangan terhadap salah guna kuasa. Isu kaum dan kelas tidak lagi menjadi topik utama dalam wacana politik. Perkembangan ini memerlukan penilaian terhadap pengaruhnya terhadap golongan muda dari sejauh mana ia boleh membawa kepada kecenderungan politik.

## **1.1 Isu Perbincangan**

Berdasarkan perkembangan semasa, golongan muda dilihat sebagai golongan penentu kepada pilihan raya umum akan datang. Ini berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan iaitu anggaran kelahiran bayi sekitar 450,000 hingga 500,000 setahun, 2 juta rakyat akan mencapai umur 21 pada tahun 2013 dan layak menjadi pengundi. Ini tidak termasuk mereka yang sudah cukup umur 21 tahun tetapi masih tidak mendaftar sebagai pengundi. Ia dijangka meningkat kepada 16.9 juta berbanding dengan pada masa sekarang iaitu seramai 10.9 juta (Zubaidah 2009). Penambahan seramai 6 juta pengundi ini adalah mewakili mereka yang berumur 21 tahun hingga 40 tahun. Di sini dapat dilihat signifikansi kajian yang melibatkan golongan muda di negara ini.

Apa yang berlaku dari segi keputusan pilihan raya 2008 yang lalu dan pilihan raya kecil di Kuala Terengganu menunjukkan kecenderungan pengundi muda untuk menyokong parti pembangkang. Saluran 4 dan 5 telah menumbangkan calon Barisan Nasional (BN) apabila sokongan kepada calon UMNO hanya tertumpu di kalangan mereka yang berumur dan pertengahan. Senario ini telah membuka mata parti politik dan juga pemerintah untuk mengetahui respon daripada golongan muda terhadap pentadbiran negeri Terengganu pada hari ini. Penyertaan golongan muda dalam program kerajaan negeri adalah juga kecil (Norudin et al., 2008). Ini memberi kesan kepada kefahaman dan sokongan kepada kerajaan. Melalui pemerhatian dan perbincangan tidak formal antara elemen lain yang berkaitan penerimaan terhadap pimpinan kerajaan sekarang ini meliputi program pembangunan belia, kualiti hidup belia, dan beberapa isu semasa yang lain.

## **1.2 Objektif :**

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Menganalisa profil demografik dan tahap penyertaan program pembangunan belia.
- II. Menganalisa persepsi dan penerimaan generasi muda terhadap pentadbiran kerajaan negeri Terengganu.
- III. Mengukur sejauhmana kekuatan hubungan pembolehubah tidak bersandar terhadap penerimaan golongan muda kepada pentadbiran kerajaan negeri Terengganu.
- IV. Menganalisa faktor-faktor penting yang mempengaruhi penerimaan generasi muda terhadap kerajaan negeri Terengganu.

### **1.3 Kepentingan dan Skop Projek :**

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada tahap penerimaan golongan muda terhadap pentadbiran kerajaan negeri Terengganu pada hari ini di kalangan generasi muda yang berumur 18 hingga 40 tahun di Terengganu.

## **2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

### **2.1 Instrumentasi Kajian**

Pengumpulan maklumat bagi menjawab permasalahan kajian menggunakan kaedah soal-selidik yang ditadbir secara bersemuka dengan responden. Pembentukan soal-selidik merangkumi beberapa seksyen utama yang meliputi profil responden, dimensi-dimensi pembolehubah bersandar, dan dimensi utama iaitu penerimaan golongan muda terhadap pentadbiran kerajaan negeri. Manakala instrumentasi kajian dibina dengan menggunakan pengukuran soalan-soalan “nominal” serta “multiple – choice” bagi seksyen profil, dan soalan berbentuk skala “likert” untuk mengukur angkubah-angkubah terpilih dalam kerangka penyelidikan.

### **2.2 Prosedur Persampelan**

Dalam proses menentukan satu kaedah persampelan yang efisyen, kajian terlebih dahulu memilih “frame” persampelan yang bersesuaian. Penyelidik menggunakan rekod bilangan populasi yang dimuatkan didalam laporan “Data Asas Negeri Terengganu 2008” yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2008). Berpandukan bilangan penduduk didalam kategori 18 hingga 40 tahun anggaran belia di Negeri Terengganu adalah lebih kurang 450,000 orang. Jumlah ini mewakili 41.12% dari jumlah keseluruhan penduduk negeri.

Bagi pengumpulan data-data kuantitatif, persampelan kuota adalah merupakan kaedah yang bersesuaian untuk digunakan didalam kajian. Walaupun kaedah ini tidak dapat memberi generalisasi yang terbaik sepertimana yang dicadangkan dalam kaedah persampelan strata, namun keupayaannya untuk mewujudkan kumpulan yang berlapis didapati memadai memberi hasil dapatan yang kurang menepati sasaran populasi. Strategi yang digunakan untuk kajian adalah pada peringkat awalan, populasi akan dibentuk didalam 8 kuota mengikut parlimen didalam negeri Terengganu.

Penentuan bilangan sampel bagi setiap parlimen adalah berasaskan saiz populasi belia di setiap kawasan parlimen yang diperolehi dari laporan yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2008) . Justeru itu parlimen seperti Kemaman, Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Dungun, dan Setiu diwakili dengan saiz sampel antara 779 - 890. Manakala bagi kawasan parlimen Setiu, Hulu Terengganu dan Marang diwakili bilangan sampel antara 323 - 504. Pada peringkat cadangan proposal penyelidikan, hanya lebih kurang 5,000 sampel didapati mencukupi bagi mengeneralisasikan populasi kajian. Oleh kerana terdapat kekurangan wakil bagi sub-sampel yang dijadikan sebagai “control”, maka sedikit penambahan sampel dibuat untuk mendapat bilangan minima yang dikehendaki. Kaedah “Control” ini digunakan bagi tujuan mendapat analisis yang lebih efisyen. Dengan strategi-strategi pengawalan yang dipilih dalam aktiviti pengumpulan data, maka sejumlah


5,360 sampel telah dijadikan saiz sampel untuk kajian ini. Bilangan sampel saiz ini mewakili 1.2 % daripada jumlah populasi kajian.

Bagi setiap parlimen, sampel kajian di bahagikan kepada 4 kumpulan mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN). Untuk mempastikan satu taburan yang lebih mewakili, taburan sampel dipilih dengan berpandukan pecahan kategori umur dan peratus yang ditetapkan seperti berikut: Umur 18 hingga 24 tahun (40 %), 25 hingga 30 tahun (25%), 31 hingga 35 tahun (20%), dan 35 hingga 40 tahun (15%). Peratus sampel bagi setiap kategori umur dikira berdasarkan kepada bilangan golongan belia mengikut kategori umur sepertimana yang dicatatkan dalam “frame” sampel yang diterbitkan oleh UPEN Terengganu. Setelah pecahan kumpulan ini dijadikan asas, diperangkat terakhir pemilihan sampel dilakukan dengan memilih sampel secara “sasaran terpilih (purposive)”. Pendekatan kaedah ini dapat menghasilkan satu analisis perbandingan antara daerah yang dipilih untuk menjawab persoalan kajian. Alternatif ini membolehkan analisis perbandingan didalam setiap daerah bagi setiap kumpulan belia boleh dihasilkan dengan efisyen.

### 2.3 Kerangka Penyelidikan

Pembentukan kerangka penyelidikan adalah berasaskan temuduga dengan responden terpilih, laporan-laporan akhbar, dan cakap-cakap yang mempunyai pemberatan kesahihannya. Bagi menjalankan kajian ini satu kerangka penyelidikan seperti Rajah 1 dibentuk untuk menjawab beberapa persoalan kajian.

**Rajah 1:** Kerangka Teoritikal Kajian



### 2.4 Kaedah Pengumpulan data

Proses pengumpulan data dijalankan mengikut turutan jarak jauh sesuatu lokasi parlimen. Kajian bermula di Parlimen Besut, diikuti dengan Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun, dan Kemaman. Bagi memastikan data yang diperolehi lengkap dan mencukupi, aktiviti pengesahan dibuat setiap hari selepas soalselidik diperolehi daripada setiap pembanci.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

#### 3.1 Frekuensi

**Jadual 1:** Profil Demografik

	demografik	frekuensi	(%)		Demografik	frekuensi	(%)
1.	<b>Kawasan:</b> Bandar Luar Bandar	2041 3319	38.1 61.9	2.	<b>Jantina:</b> Lelaki Perempuan	2530 2830	47.2 52.8
3.	<b>Umur:</b> 18-24 tahun 25-30 tahun 31-35 tahun 36-40 tahun	2131 1405 1005 819	39.8 26.2 18.8 15.3	4.	<b>Etnik:</b> Melayu Cina India	5184 175 1	96.7 3.3 0.0
5.	<b>Pendidikan:</b> Tidak bersekolah Pendidikan tidak formal Sek. Rendah Sek Men Rendah SPM STPM/Diploma Ijazah Sijil Kemahiran Lain-Lain	46 16 175 455 2716 1215 444 265 28	0.9 0.3 3.3 8.0 50.7 22.7 8.3 4.9 .5	6.	<b>Pekerjaan:</b> Kerja sendiri Kakitangan kerajaan Pekerja swasta Tidak bekerja Pelajar Lain-lain	1602 891 1327 747 782 11	29.9 16.6 24.8 13.9 14.6 .2
7.	<b>Pendapatan Responden:</b> RM500 ke bawah RM501-RM1,000 RM1,001-RM2,000 RM2,001-RM3,000 RM3,001-RM5,000 RM5,001-RM10,000 RM10,000 ke atas Tidak berkenaan	1533 1358 1087 432 161 33 9 747	28.6 25.3 20.3 8.1 3.0 0.6 0.2 13.9	8.	<b>Pendapatan Pasangan:</b> RM500 ke bawah RM501-RM1,000 RM1,001-RM2,000 RM2,001-RM3,000 RM3,001-RM5,000 RM5,001-RM10,000 RM10,000 ke atas Tidak berkenaan	214 599 677 306 150 35 10 3369	4.0 11.2 12.6 5.7 2.8 0.7 0.2 62.9

Kira-kira 3319 (61.9%) responden tinggal di kawasan luar bandar dan 2041 (38.1%) tinggal di kawasan bandar. Analisis mengikut jantina, menunjukkan 52.8% daripada mereka adalah perempuan dan 47.2% lelaki. Bagi kategori umur pula, lingkungan dari umur 18 hingga 24 tahun adalah yang paling ramai terlibat dalam kaji selidik ini iaitu seramai 2131 (39.8%) orang. Diikuti dengan lingkungan umur dari 25 hingga 30 tahun seramai 1405 (26.2%) orang, lingkungan umur dari 31 hingga 35 tahun adalah 1005 (18.8%) orang dan 819 (15.3%) orang pula dalam lingkungan umur dari 36 hingga 40 tahun.

Kira-kira 2716 (50.7%) responden yang terlibat dalam kaji selidik memiliki sijil SPM, 1215 (22.7%) berkelulusan STPM/Diploma, SRP 455 (8%), Ijazah 444 (8.3%) orang, sijil kemahiran 265 (4.9%), UPSR 175 (3.3%). dan akhir sekali kumpulan yang tidak sekolah dan kumpulan yang mendapat pendidikan tidak formal masingg-masing 46 (0.9%) dan 16 (0.3%) responden. Golongan kerja sendiri adalah paling ramai terlibat dalam kaji selidik ini iaitu seramai 1602 (29.9%) orang, diikuti pekerja swasta 1327 (24.8%), Kakitangan kerajaan 891 (16.6%), pelajar 782 (14.6%) orang, tidak bekerja 747 (13.9%) orang dan lain-lain 11 (0.2%) orang.

Dari segi pendapatan responden pula, kaji selidik ini menunjukkan mereka yang berpendapatan bawah RM500 iaitu seramai 1533 (28.6%) orang, di ikuti pula dengan kumpulan yang pendapatan dalam lingkungan RM501 hingga RM1000 seramai 1358 (25.3%) orang, pendapatan dalam lingkungan RM1001 hingga RM2,000 seramai iaitu 1087 (20.3%) orang, pendapatan dalam lingkungan RM2,001 hingga RM3,000 seramai 432 (8.1%) orang dan RM3,001 hingga RM5,000 seramai 161 (3%) orang. Manakala, kumpulan pendapatan tinggi dalam lingkungan RM5,001 hingga RM10,000 dan kumpulan RM10000 keatas masing-masing 33 (0.6%) orang dan 9 (0.2%) orang. Selebihnya, seramai 747 (13.9%) responden yang tidak bekerja dan tiada pendapatan.

Seramai 677 (12.6%) responden mempunyai pasangan yang berpendapatan diantara RM1001 hingga RM2000, 599 (11.2%) responden mempunyai pasangan berpendapatan diantara RM501 hingga RM1000, 306 (5.7%) mempunyai pasangan berpendapatan diantara RM2001 hingga RM3000, 150 (2.8%) mempunyai pasangan berpendapatan diantara RM3001 hingga RM5000. Responden yang pasangan berpendapatan tinggi dalam linkungan RM50001 hingga RM10000 dan yang berpendapatan melebili RM10000 adalah kecil ia itu masing-masing 35 (0.7%) dan 10 (0.2%) responden.

### 3.2 Program Pembangunan Belia

**Jadual 2:** Program Pembangunan Belia

SOALAN	No.	(%)	SOALAN	No.	(%)
<b>Program Pembangunan Belia</b>			<b>Bantuan/Anugerah</b>		
Keusahawanan	850	15.9	Dana Raya	1327	24.8
Bakti Remaja	1147	21.4	Bantuan Bakti Remaja	950	17.7
Skim Latihan Sambil Bekerja	320	6.0	Bantuan Alat Sukan	90	1.7
Latihan Anak Keluarga	97	1.8	Bantuan Badan Belia	193	3.6
Program Hal Ehwal Wanita	223	4.2	Anugerah Belia Jaya	38	0.7
Belia Tani	177	3.3	Lain-lain	178	3.3
Kebudayaan	278	5.2	<b>JUMLAH</b>	<b>2776</b>	
Sukan & Rekreasi	977	18.2			
Lain-lain	278	5.2			
<b>JUMLAH</b>	<b>4347</b>				

Penglibatan responden dalam setiap program pembangunan belia secara keseluruhannya adalah rendah iaitu kurang dari 30%. Penglibatan belia dalam program bakti remaja paling tinggi dengan peratus penglibatan sebanyak 21.4%. Program yang kedua tinggi adalah Sukan dan Rekreasi dengan peratus penyertaan mengikut program sebanyak 18.2%. Program keusahawanan berada di tempat ketiga dengan peratus penyertaan mengikut program sebanyak 15.9%.

Penglibatan belia dalam program lain seperti skim latihan sambil bekerja, kebudayaan, program hal ehwal wanita, belia tani, latihan anak keluarga dan lain lain adalah amat rendah masing mengikut program pada tahap 6.0%, 5.2%, 4.2%, 3.3%, 1.8%, 5.2%. Data diatas juga menunjukkan responden yang menerima setiap jenis bantuan adalah juga rendah iaitu kurang dari 30%. Bantuan Dana Raya yang paling tinggi dengan peratus bantuan sebanyak 24.8% dan peratus bantuan mengikut semua bantuan sebanyak 47.8%. Diikuti dengan Bantuan Bakti Remaja tempat kedua dengan peratus bantuan sebanyak 17.7% dan peratus mengikut semua bantuan sebanyak 34.22%. Tahap bantuan Badan Belia, Bantuan Alat Sukan, Anugerah Belia Jaya dan lain-lain anugerah adalah amat rendah masing masing sebanyak 3.6%, 1.7%, 0.7% dan 3.3%.

### 3.3 Persepsi Terhadap Program Pembangunan Belia

**Jadual 3:** Persepsi Belia Terhadap Program Pembangunan Belia

	SOALAN	BERSUTUJU	TAK SETUJU	TAK PASTI	JUMLAH
1	Kerajaan menyediakan peluang pendidikan meluas	4428 (82.7%)	376 (6.8%)	556 (10.4%)	5360
2	Kerajaan menyediakan peluang kemahiran yang banyak	4312 (80.4%)	461 (8.6%)	587 (11.0%)	5360
3	Kerajaan menyediakan peluang keusahawanan yang meluas	3549 (66.2%)	711 (13.3%)	1100 (20.5%)	5360
4	Kerajaan menyediakan peluang pekerjaan yang banyak	2878 (53.7%)	1343(25.0%)	1139 (21.3%)	5360
5	Kerajaan menyediakan program sukan dan rekreasi yang meluas	3368 (62.8%)	952 (17.8%)	1040 (19.4%)	5360
6	Kerajaan sediakan infrastruktur sukan yang mencukupi.	2696(50.3%)	1374 (25.6%)	1290 (24.1%)	5360
7	Kerajaan menyediakan program jatidiri yang meluas	2759 (51.5%)	1226 (22.9%)	1375 (25.7%)	5360
8	Program belia mengikut dasar Islam	2826 (52.7%)	864 (16.1%)	1670 (31.2%)	5360

Terdapat 82.7% responden bersetuju kerajaan ada menyediakan peluang pendidikan meluas bagi belia Terengganu. Ini merupakan satu jumlah yang ramai atau peratus yang tinggi jika dibandingkan dengan bilangan/peratus yang tidak setuju dan tidak pasti yang mana bilangannya kecil masing-masing 6.8% dan 10.4%. Juga bilangan

responden yang bersetuju yang kerajaan ada menyediakan peluang kemahiran yang banyak untuk belia dimana seramai 80.4% responden bersetuju, manakala bilangan responden yang tidak setuju dan tidak pasti adalah hanya 8.6% dan 11%.

Seramai 66.2% responden bersetuju yang kerajaan menyediakan peluang keusahawanan yang meluas kepada belia. Bilangan ini adalah sederhana ramai jika dibandingkan dengan kumpulan yang tidak setuju dan tidak pasti dimana masing-masing 13.3% dan 20.5%. Dari segi penyediaan peluang pekerjaan, lebih daripada separuh 53.7% bersetuju yang kerajaan ada menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada belia. Manakala yang tidak setuju adalah seramai 25% dan tidak pasti pula seramai 21.3%.

Bilangan yang bersetuju bahawa kerajaan ada menyediakan program sukan dan rekreasi yang meluas adalah sederhana ramai dengan jumlah 62.8%. Bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah kecil masing-masing 17.8% dan 19.4%. Lebih daripada separuh (50.3%) responden bersetuju yang kerajaan ada menyediakan infrastruktur sukan yang mencukupi. Kumpulan yang tidak setuju dan tidak pasti masing-masing 25.6% dan 24.1%. Manakala seramai 51.5% bersetuju yang kerajaan ada menyediakan program jatidiri atau motivasi yang meluas. Bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti masing-masing 22.9% dan 25.7%. Begitu juga lebih dari separuh (52.7%) belia berpendapat yang kerajaan ada melaksanaan dasar Islam dalam program belia. Manakala yang tidak pasti adalah seramai 31.2 %, lebih ramai daripada yang tidak setuju seramai 16.1%.

**Jadual 6:** Taburan Silang Antara Jantina, Umur, Pendidikan Tertinggi, Pekerjaan Dan Program Pembangunan Belia

PROFIL RESPONDEN	TAK SETUJU		TAK PASTI		SETUJU		JUMLAH	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
<b><u>JANTINA</u></b>								
LELAKI	154	2.87	912	17.01	1464	27.31	2530	47.20
PEREMPUAN	104	1.94	901	16.81	1825	34.05	2830	52.80
JUMLAH	258	4.81	1813	33.82	3289	61.36	5360	100.00
<b><u>UMUR</u></b>								
18-24thn	85	1.59	683	12.74	1363	25.43	2131	39.76
25-30thn	75	1.40	466	8.69	864	16.12	1405	26.21
31-35thn	55	1.03	365	6.81	585	10.91	1005	18.75
36-40thn	43	0.80	299	5.58	477	8.90	819	15.28
JUMLAH	258	4.81	1813	33.82	3289	61.36	5360	100.00

<b><u>PENDIDIKAN TERTINGGI</u></b>								
TIDAK SEKOLAH	4	0.07	14	0.26	28	0.52	46	0.86
PENDIDIKAN TAK FORMAL	1	0.02	9	0.17	6	0.11	16	0.30
SEK. RENDAH	9	0.17	71	132	95	1.77	175	3.26
SEK.MEN.RENDAH	34	0.63	152	2.84	269	5.02	455	8.49
SPM	112	2.09	884	16.49	1720	32.09	2716	50.67
STPM/DIPLOMA	59	1.10	416	7.76	740	13.81	1215	22.67
IJAZAH	32	0.60	162	3.02	250	4.66	444	8.28
SIJIL KEMAHIRAN	7	0.13	94	1.75	164	3.06	265	4.94
LAIN-LAIN	0	0.00	11	0.21	17	0.32	28	0.52
JUMLAH	258	4.81	1813	33.82	3289	61.36	5360	100.00
<b><u>PEKERJAAN</u></b>								
KERJA SENDIRI	107	2.00	547	10.21	948	17.69	1602	29.89
K'TANGAN KERAJAAN	42	0.78	297	5.54	552	10.30	891	16.62
PEKERJA SWASTA	52	0.97	464	8.66	811	15.13	1327	24.76
TIDAK BEKERJA	24	0.45	248	4.63	475	8.86	747	13.94
PELAJAR	33	0.62	255	4.76	494	9.22	782	14.59
LAIN-LAIN	0	0.00	2	0.04	9	0.17	11	0.21
JUMLAH	258	4.81	1813	33.82	3289	61.36	5360	100.00

Jadual taburan silang diatas menunjukkan taburan silang antara jantina, umur, pendidikan tertinggi dan pekerjaan dengan program pembangunan belia di negeri Terengganu. Secara keseluruhan, kebanyakan responden berpuas hati dengan program pembangunan belia. Kenyataan ini disokong dengan data yang menunjukkan jumlah responden yang bersetuju (3289) melebihi daripada responden yang tidak pasti (1813) dan tidak setuju (258).

Dari kalangan setuju, kebanyakan responden dari golongan perempuan mencatat jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak 1825 (34.05%) berbanding lelaki 1464 (27.31%). Seterusnya dari kalangan tidak pasti, responden lelaki mencatat jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak 912 (17.01%) berbanding responden perempuan 901 (16.81%). Manakala, dari kalangan tidak setuju pula, responden dari golongan lelaki mencatat jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak 154 (2.87%) berbanding perempuan 104 (1.94%).

Dari kalangan setuju, responden yang berumur 18-24 tahun mencatat jumlah yang paling banyak iaitu 1363 (25.43%), dikuti kategori 25-30 tahun sebanyak 864 (16.12%), seterusnya kategori 31-35 tahun sebanyak 585 (10.91%) dan kategori 36-40

adalah sebanyak 477 (8.90%). Dari kalangan tidak pasti, responden yang berumur 18-24 tahun mencatat jumlah yang paling banyak iaitu 683 (12.74%), dikuti kategori 25-30 tahun sebanyak 466 (8.69%), seterusnya kategori 31-35 tahun sebanyak 365 (6.81%) dan kategori 36-40 adalah sebanyak 299 (5.58%). Manakala dari kalangan tidak setuju, responden yang berumur 18-24 tahun mencatat jumlah yang paling banyak juga iaitu 85 (1.59%), dikuti kategori 25-30 tahun sebanyak 75 (1.40%), seterusnya kategori 31-35 tahun 55 (1.03%) dan kategori 36-40 adalah sebanyak 43 (0.80%).

Dari segi pendidikan tertinggi yang mana dari kalangan setuju, responden yang berpendidikan SPM mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 32.09%, dikuti STPM/Diploma 13.41%, seterusnya Sek. Men Rendah 5.02%, Ijazah 4.66%, Sijil Kemahiran 3.06%, Sek. Rendah 1.77%, dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Dari kalangan tidak pasti, responden yang berpendidikan SPM juga mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 844 (16.49%), dikuti STPM/Diploma 416 (7.76%), seterusnya Ijazah 162 (3.02%), Sek. Men Rendah 152 (2.84%), Sijil Kemahiran 94 (1.75%), dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Manakala dari kalangan tidak setuju, responden yang berpendidikan SPM mencatat juga jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 112 (2.09%), dikuti STPM/Diploma 59 (1.10%), seterusnya Sek.Men. Rendah 34 (0.63%), dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja.

Akhir sekali, dari segi pekerjaan yang mana dari kalangan setuju, responden yang bekerja sendiri mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 948 (17.69%), dikuti pekerja swasta 811 (15.13%), seterusnya kakitangan kerajaan 552 (10.30%) dan pelajar 494 (9.22%) dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Seterusnya dari kalangan tidak pasti, responden yang bekerja sendiri juga mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 547 (10.21%), dikuti pekerja swasta 464 (8.66%), seterusnya kakitangan kerajaan 297 (5.54%) dan pelajar 255 (4.76%) dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Manakala, dari kalangan tidak setuju, responden yang bekerja sendiri juga mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 107 (2.00%), dikuti pekerja swasta 52 (0.97%) dan kakitangan kerajaan 42 (0.78%) dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil.

### 3.4 Persepsi Belia Terhadap Kualiti Hidup

**Jadual 4:** Persepsi Belia Terhadap Kualiti Hidup

SOALAN		SETUJU	TAK SETUJU	TAK PASTI	JUMLAH
1	Tahap pendapatan meningkat	2840 (53%)	1219 (22.8%)	1301 (24.3%)	5360
2	Kepuasan dengan kemudahan utiliti	3964 (74%)	920 (17.2%)	476 (8.9%)	5360
3	Kepuasan dengan tempat ibadat	4648 (86.7%)	373 (6.9%)	339 (6.3%)	5360
4	Puashati peranan institusi keselamatan	3586 (66.9%)	1122 (20.9%)	652 (12.2%)	5360
5	Puashati kemudahan pendidikan	4591 (85.6%)	305 (5.7%)	464 (8.7%)	5360
6	Puashati kemudahan kesihatan	4236 (79%)	638 (11.9%)	486 (9.1%)	5360
7	Kepuasan dengan kebersihan	3563 (66.5%)	1087 (20.3%)	710 (13.2%)	5360
8	Kepuasan dengan tempat beriadah	3507 (65.4%)	1148 (21.4%)	705 (13.2%)	5360
9	Kepuasan dengan bantuan kebajikan	3171 (59.2%)	1150 (21.5%)	1039 (19.4%)	5360

Lebih daripada separuh 2840 (53%) responden berpendapat yang pendapatan mereka telah meningkat. Responden yang tidak setuju dan tak pasti masing-masing seramai 1219 (22.8%) dan 1301 (24.3%). Bilangan responden yang berpuashati dengan kemudahan utiliti yang disediakan agak ramai dimana seramai 3964 (74%) bersetuju dengan kemudahan yang diadakan, manakala yang tidak setuju dan tidak pasti adalah sedikit masing-masing 920 (17.2%) dan 476 (8.9%). Bilangan responden yang berpuashati dengan prasarana tempat ibadat yang disediakan adalah ramai dimana 4648 (86.7%) menyatakan persetujuan dengan kemudahan yang telah diadakan, manakala bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah sedikit masing-masing 373 (6.9%) dan 339 (6.3%).

Bilangan responden yang berpuashati dengan institusi yang menjaga keselamatan di kawasan tempat tinggal sekarang (polis, bomba dan sebagainya) adalah serdahana ramai dimana 3586 (66.9%) menyatakan persetujuan dengan institusi yang menjaga keselamatan, manakala bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah sedikit masing-masing 1122 (20.9%) dan 652 (12.2%). Seterusnya, bilangan responden yang berpuashati dengan kemudahan pendidikan (buku teks, guru, sekolah dan sebagainya) adalah ramai dimana 4591 (85.6%) menyatakan persetujuan dengan kemudahan pendidikan, manakala bilangan yang tidak pasti dan tidak setuju masing-masing 464 (8.7%) dan 305 (5.7%).

Dari segi kepuasan dengan kemudahan kesihatan, agak ramai responden yang bersetuju iaitu 4236 (79%) dan bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah sedikit masing-masing 638 (11.9%) dan 486 (9.1%). Bilangan responden yang berpuashati dengan keadaan kebersihan tempat tinggal sekarang adalah serdahana

ramai dimana 3563 (66.5%) menyatakan persetujuan dengan tahap kebersihan ,manakala bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah sedikit masing-masing 1087 (20.3%) dan 710 (13.2%).

Bilangan responden yang berpuashati dengan tempat riadah yang disediakan adalah serderhana ramai dimana 3507 (65.4%), manakala bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah sedikit masing-masing 1148(21.4%) dan 1039 (13.2%). Lebih daripada separuh 3171(59.2%) responden berpuashati dengan bantuan kebajikan (bencana/kemiskinan) yang telah diberikan oleh kerajaan. Responden yang tidak setuju dan tidak pasti masing-masing seramai 1150 (21.5%) dan 1039 (19.4%).

**Jadual 7:** Taburan Silang Antara Jantina, Umur, Pendidikan Tertinggi, Pekerjaan Dan Kualiti Hidup

PROFIL RESPONDEN	TAK SETUJU		TAK PASTI		SETUJU		JUMLAH	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
<b><u>JANTINA</u></b>								
LELAKI	100	1.86	771	14.38	1659	30.95	2530	47.20
PEREMPUAN	93	1.74	837	15.62	1900	35.45	2830	52.80
JUMLAH	193	3.6	1608	30.0	3559	66.4	5360	100.00
<b><u>UMUR</u></b>								
18-24thn	80	1.49	636	11.87	1415	26.39	2131	39.76
25-30thn	50	0.93	439	8.19	916	17.10	1405	26.21
31-35thn	37	0.69	297	5.54	671	12.52	1005	18.75
36-40thn	26	0.49	236	4.40	557	10.39	819	15.28
JUMLAH	193	3.6	1608	30.0	3559	66.4	5360	100.00
<b><u>PENDIDIKAN TERTINGGI</u></b>								
TIDAK SEKOLAH	3	0.06	14	0.26	29	0.54	46	0.86
PENDIDIKAN TAK FORMAL	1	0.02	4	0.07	11	0.21	16	0.30
SEK. RENDAH	12	0.22	55	1.03	108	2.02	175	3.26
SEK.MEN.RENDAH	15	0.28	145	2.71	295	5.50	455	8.49
SPM	88	1.64	764	14.25	1864	34.78	2716	50.67
STPM/DIPLOMA	52	0.97	383	7.15	780	14.55	1215	22.67
IJAZAH	17	0.32	147	2.74	280	5.22	444	8.28
SIJIL KEMAHIRAN	5	0.09	86	1.60	174	3.25	265	4.94

LAIN-LAIN	0	0.00	10	0.19	18	0.34	28	0.52
JUMLAH	193	3.6	1608	30.0	3559	66.4	5360	100.00
<b><u>PEKERJAAN</u></b>								
KERJA SENDIRI	67	1.25	500	9.33	1035	19.31	1602	29.89
K,TANGAN KERAJAAN	34	0.63	238	4.44	619	11.55	891	16.62
PEKERJA SWASTA	40	0.75	406	7.58	881	16.44	1327	24.76
TIDAK BEKERJA	27	0.50	217	4.05	503	9.38	747	13.94
PELAJAR	25	0.47	245	4.57	512	9.55	782	14.59
LAIN-LAIN	0	0.00	2	0.04	9	0.17	11	0.21
JUMLAH	193	3.6	1608	30.0	3559	66.4	5360	100.00

Jadual taburan silang diatas menunjukkan taburan silang antara jantina, umur, pendidikan tertinggi dan pekerjaan dengan kualiti hidup belia di negeri Terengganu. Dari segi kualiti hidup, secara keseluruhan, kebanyakannya responden bersetuju dan berpuas hati dengan peningkatan kualiti hidup mereka. Kenyataan ini disokong dengan data kajian yang menunjukkan jumlah responden yang bersetuju (3559) melebihi daripada responden yang tidak pasti (1608) dan tidak setuju (193) dengan kualiti hidup belia di negeri Terengganu.

Dari kalangan setuju, kebanyakannya responden dari golongan perempuan mencatat jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak 1900 (35.45%) berbanding lelaki 1659 (30.95%). Seterusnya dari kalangan tidak pasti, responden perempuan mencatat jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak 837 (15.62%) berbanding responden lelaki 771 (14.38%). Manakala, dari kalangan tidak setuju pula, responden dari golongan lelaki mencatat jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak 100 (1.86%) berbanding perempuan 93 (1.74%).

Dari kalangan setuju, responden yang berumur 18-24 tahun mencatat jumlah yang paling banyak iaitu 1415 (26.39%), dikuti kategori 25-30 tahun sebanyak 916 (17.10%), seterusnya kategori 31-35 tahun sebanyak 671 (12.52%) dan kategori 36-40 adalah sebanyak 557 (10.39%). Dari kalangan tidak pasti, responden yang berumur 18-24 tahun mencatat jumlah yang paling banyak iaitu 636 (11.87%), dikuti kategori 25-30 tahun sebanyak 439 (8.19%), seterusnya kategori 31-35 tahun sebanyak 297 (5.54%) dan kategori 36-40 adalah sebanyak 236 (4.40%). Manakala dari kalangan tidak setuju, responden yang berumur 18-24 tahun mencatat jumlah yang paling banyak juga iaitu 80 (1.49%), dikuti kategori 25-30 tahun sebanyak 50 (0.93%), seterusnya kategori 31-35 tahun sebanyak 37 (0.69%) dan kategori 36-40 adalah sebanyak 26 (0.49%).

Dari segi pendidikan tertinggi yang mana dari kalangan setuju, responden yang berpendidikan SPM mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 1864 (34.78%), dikuti STPM/Diploma 780 (14.55%), seterusnya Sek. Men Rendah 295 (5.50%), Ijazah 280 (5.22%), Sijil Kemahiran 174 (3.25%), Sek. Rendah 108 (2.02%), dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Dari kalangan tidak pasti, responden yang berpendidikan SPM juga mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu

sebanyak 764 (14.25%), dikuti STPM/Diploma 383 (7.15%), seterusnya Ijazah 147 (2.74%), Sek. Men Rendah 145 (2.71%), Sijil Kemahiran 86 (1.60%), dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Manakala dari kalangan tidak setuju, responden yang berpendidikan SPM mencatat juga jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 88 (1.64%), dikuti STPM/Diploma 52 (0.97%), seterusnya Ijazah 17 (0.32%), dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil.

Akhir sekali, dari segi pekerjaan yang mana dari kalangan setuju, responden yang bekerja sendiri mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 1035 (19.31%), dikuti pekerja swasta 881 (16.44%), seterusnya kakitangan kerajaan 619 (11.55%) dan pelajar 512 (6.55%) dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Seterusnya dari kalangan tidak pasti, responden yang bekerja sendiri juga mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 500 (9.33%), dikuti pekerja swasta 406 (7.58%), seterusnya pelajar 245 (4.57%) dan kakitangan kerajaan 238 (4.44%) dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja. Manakala, dari kalangan tidak setuju, responden yang bekerja sendiri juga mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 67 (1.25%), dikuti pekerja swasta 40 (0.75%) dan kakitangan kerajaan 34 (0.63%) dan yang lain hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja.

### 3.5 Penerimaan Belia Terhadap Kerajaan

**Jadual 5:** Penerimaan Belia Terhadap Kerajaan

SOALAN	BERSETU JU	TAK SETUJU	TAK PASTI	JUMLAH
Sokong perlaksanaan mesra rakyat	4068 (75.9%)	614 (11.4%)	678 (12.6%)	5360
Perlaksanaan projek pembangunan	4063 (75.8%)	610 (11.4%)	687 (12.8%)	5360
Puashati dengan pemerintahan kerajaan	3165 (59.1%)	1130 (21.1%)	1065 (19.9%)	5360
Kerajaan mampu mengekalkan keamanan dan kesejahteraan	3917 (73.1%)	655 (12.2%)	788 (14.7%)	5360
K'jaan mampu bawa kemajuan	3725 (69.5%)	654 (12.2%)	981 (18.3%)	5360
Puashati dengan ketelusan kerajaan	2982 (55.6%)	1122 (21%)	1256 (23.4%)	5360
Puashati dengan perlaksanaan pemerintahan berdasarkan Islam	3715 (69.3%)	731 (13.6%)	914 (17.1%)	5360
Kerajaan sekarang dikekalkan	3297 (61.5%)	1038 (19.4%)	1025 (19.1%)	5360

Bilangan atau peratus belia yang menyokong perlaksanaan mesra rakyat adalah agak tinggi dimana seramai 4068 (75.9%) bersetuju dengan perlaksanaan kerajaan mesra rakyat yang

dijalankan. Bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti adalah rendah masing-masing 614 (11.4%) dan 678 (12.6%). Dari segi perlaksanaan projek pembangunan, seramai 4063 (75.8%) bersetuju dengan perlaksanaan projek pembangunan ekonomi yang telah dijalankan kerajaan. Ini juga merupakan bilangan atau peratus yang agak tinggi. Bilangan atau peratus yang tidak setuju dan tidak pasti adalah juga rendah masing-masing seramai 610 (11.4%) dan 687 (12.8%).

Bilangan responden berpuas hati dengan pemerintahan kerajaan adalah lebih daripada separuh iaitu 3165 (59.1%). Manakala, bilangan yang tidak bersetuju dan tidak pasti adalah amat rendah iaitu masing-masing seramai 1130 (21.1%) dan 1065 (19.9%). Dari segi kerajaan mampu mengekalkan keamanan dan kesejahteraan, agak ramai responden yang bersetuju iaitu seramai 3917 (73.1%), diikuti dengan bilangan tidak pasti dan tidak setuju adalah amat rendah iaitu masing-masing seramai 788 (14.7%) dan 655 (12.2%). Seterusnya, bilangan responden yang bersetuju dengan kerajaan mampu membawa kemajuan adalah sederhana ramai iaitu seramai 3725 (69.5%), diikuti dengan bilangan tidak pasti dan tidak setuju masing-masing seramai 981 (18.3%) dan 654 (12.2%).

Lebih daripada separuh bilangan responden yang berpuas hati dengan ketelusan kerajaan iaitu seramai 2982 (55.6%), diikuti dengan bilangan tidak pasti dan tidak setuju adalah amat rendah iaitu masing-masing seramai 1256 (23.4%) dan 1122 (21.0%). Dari segi perlaksanaan pemerintahan berdasarkan Islam, seramai 3715 (69.3%) berpuashati, diikuti dengan bilangan tidak pasti dan tidak setuju adalah amat rendah iaitu masing-masing seramai 914 (17.1%) dan 731 (13.6%). Akhir sekali, bilangan responden yang bersetuju dengan kerajaan sekarang dikekalkan adalah sederhana ramai iaitu seramai 3297 (61.5%), diikuti dengan bilangan tidak setuju dan tidak pasti adalah amat rendah iaitu masing-masing seramai 1038 (19.4%) dan 1025 (19.1%).

### 3.6 Analisis Korelasi

**Jadual 8:** Kolerasi antara pemboleh ubah kajian

		(A)	(B)	(C)	(D)
Penerimaan Belia T'hdp Krjn <b>(A)</b>	Pearson Correlation  Sig. (2-tailed)	1  .000	.582  .000	.549  .000	.534  .000
Kepimpinan dan Perkhidmatan <b>(B)</b>	Pearson Correlation  Sig. (2-tailed)		1  .000	.522  .000	.498  .000
Program Pembangunan Belia <b>(C)</b>	Pearson Correlation  Sig. (2-tailed)			1  .000	.575  .000
Kualiti Hidup <b>(D)</b>	Pearson Correlation  Sig. (2-tailed)				1

Jadual di atas menunjukkan “Matrix Pearson Correlation” di antara pembolehubah. Daripada jadual di atas, dapat kita simpulkan bahawa ada korelasi secara signifikan dan positif diantara penerimaan golongan muda dengan semua pembolehubah iaitu kepimpinan & perkhidmatan,

program pembangunan belia, kualiti hidup, dan isu-isu semasa. Jadual di atas juga menunjukkan hubungan yang kuat di antara penerimaan golongan muda dengan, projek-projek kerajaan dan isu-isu semasa masing-masing sebanyak 0.630, 0.626 dan 0.625. Manakala hubungan yang sederhana di antara penerimaan golongan muda dengan kepimpinan & perkhidmatan, pembangunan belia dan juga kualiti hidup yang mana nilainya masing-masing 0.582, 0.549 dan 0.534.

## 4.0 KESIMPULAN

Setelah menganalisa dapatan kajian dan melalui beberapa siri perbincangan bagi menjawab persoalan kajian dan memenuhi objektifnya, satu skala petunjuk sesuai perlu digunakan. Penyelidik menggunakan skala petunjuk yang dihasilkan oleh Grable dan Lyton (1999) yang telah digunakan dalam menilai tahap toleransi risiko pelaburan individual dan syarikat. Skala petunjuk ini juga didapati sesuai digunakan dalam mengukur tahap persepsi dan penerimaan belia terhadap kerajaan. Tahap penerimaan dan sokongan mereka diperlukan bagi menilai sejauh mana kejayaan program-program yang dijalankan oleh kerajaan. Skala ini adalah seperti berikut:

- 71% - 100% : memuaskan
- 46% - 70% : sederhana
- 21% - 45% : rendah
- < 20% : sangat rendah

Kajian ini telah menilai empat faktor ataupun pembolehubah bagi melihat penerimaan golongan muda terhadap kerajaan negeri Terengganu. Faktor-faktor ini ialah kepimpinan dan perkhidmatan, program pembangunan belia, kualiti hidup, dan isu-isu semasa. Secara umumnya, bagi peringkat negeri Terengganu, analisa menunjukkan peratus persetujuan belia terhadap kepimpinan dan perkhidmatan kerajaan adalah sebanyak 53.02% dan peratus yang tidak bersetuju adalah 9.05% dan peratus tidak pasti sebanyak 37.93%. Tahap persetujuan belia ini berada pada tahap sederhana.

Manakala, peratus persetujuan belia yang bersetuju kepada program pembangunan belia juga pada tahap sederhana di mana sebanyak 61.36% belia bersetuju, 33.52% tidak pasti dan 4.81% tidak bersetuju. Peratus belia yang berpuas hati dengan kualiti hidup pula adalah sebanyak 66.4%, manakala yang tidak pasti dan tidak setuju masing-masing adalah 30% dan 3.6%. tahap puas hati belia ini juga adalah pada tahap yang sederhana.

Belia yang bersetuju dengan kemampuan kerajaan mengatasi isu-isu semasa adalah sebanyak 22.1%, manakala yang tidak pasti dan tidak setuju masing-masing adalah 54.1% dan 23.8%. Tahap puas hati belia terhadap kemampuan kerajaan mengatasi isu-isu semasa adalah rendah.

Secara keseluruhan, penerimaan belia terhadap kerajaan adalah pada tahap sederhana dimana sebanyak 68.51% responden bersetuju dengan pentadbiran kerajaan. Manakala yang tidak pasti dan tidak setuju masing-masing adalah 23.77% dan 7.27%. Hasil kajian menunjukkan, semua faktor-faktor terpilih iaitu kepimpinan dan perkhidmatan, program pembangunan belia, dan isu-isu semasa adalah penting kepada penerimaan belia terhadap kerajaan. Kombinasi tersebut telah menyumbang sebanyak 56.8% kepada penerimaan belia terhadap kerajaan.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong, dan Rudolph, J.. (pnyt) 2000. *Southeast Asia into the Twenty First Century: Crisis and Beyond*. Bangi: Penerbit UKM.
- Azma Asnawiah Abdul Hakim, Dang Merduwati Hashim, Shamila Mohamed Shuhidan dan Shuhaida Mohamed Shuhidan, (2008). *The Importance of Voting Among Youths in Selangor, Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference On Youth Research 2008 *Developing A Glocal Generation: Directions And Challenges*. 16 -17 Dec, Putrajaya Malaysia.
- Grable J.E., dan Lyton R.H., (1999). Risk Tolerance Assessment: Do demographic, Socioeconomics, and Attitudinal Factor work, <http://njaes.Rutgers.edu/> money/ risk.
- Ibrahim Suffian. (2009). *Clawing his Way Back*. Dlm. Yeoh, Oon. Najib's First 100 Days: No Honeymoon. Gerakbudaya Enterprise. Petaling Jaya.
- Norudin Mansor, Nor Shazleen Yazmeen Ahmad, Nurul Afiza Azmi, dan Sarah Hanim Jaafar, (2008). Involvement in Youth Program: What are the major Determinants. Kertas kerja dibentangkan di National Seminar on Science, Technology, and Social Sciences 2008, Pahang, 3 – 4 Jun.
- Shamsul, A.B., (1999). *The Redefinition of Politics and Transformation of Malaysian Pluralism*. Kertas Seminar dibentangkan di Reserach Workshop on Southeast Asian Pluralisms: Social Resources for Civility and Participation in Malaysia, Singapore, and Indonesia. Ford Foundation (Jakarta/ISEC/IKMAS, Petaling Jaya, 5-6 Ogos.
- Syed Arabi Idid, Abdul Rashid Moten dan Saedah Wok, (2008). *Malaysian Youth Political Culture and Political Participation, Towards Potential Political-Orientation Arena*. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference On Youth Research 2008 *Developing A Glocal Generation: Directions And Challenges*. 16 -17 Dec., Putrajaya Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, (2008). Data Asas Negeri Terengganu, Terengganu.
- Zubaidah Abu Bakar, (2009). Power to rule in the hands of young voters, The New Straits Times, 23rd January, 2009.